Rangka Kerja Kadar Pulangan

Bank Negara Malaysia memperkenalkan Rangka Kerja Kadar Pulangan bertujuan menyeragamkan kaedah pengiraan keuntungan boleh agih dan kaedah pengiraan kadar pulangan kepada pendeposit. Objektif rangka kerja ini, antara lain adalah:-

(i) Menetapkan piawaian minimum dalam pengiraan kadar pulangan;
(ii) Mewujudkan asas yang saksama dan sumber rujukan di kalangan institusi perbankan Islam (IPI) dalam pengiraan kadar pulangan; dan
(iii) Menyediakan Bank Negara Malaysia satu asas pengukuran yang berkesan untuk menilai kecekapan IPI.

Sebelum rangka kerja ini diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia, IPI mengguna pakai pelbagai kaedah dalam pengiraan kadar pulangan yang menyebabkan perbezaan ketara dalam hasil pengiraan dan implikasinya. Misalnya, sesetengah IPI memasukkan kesemua jenis pendapatan dalam pengiraan mereka manakala sesetengah IPI pula tidak memasukkan beberapa jenis pendapatan. Perbezaan amalan ini menyebabkan timbulnya beberapa halangan dalam:-

(i) Penilaian kadar pulangan oleh Bank Negara Malaysia khususnya bagi menentukan sama ada kadar pulangan IPI menggambarkan prestasi sebenar mereka;
(ii) Pengawalseliaan Bank Negara Malaysia, terutamanya dari segi menilai kehematan dan kesaksamaan dalam pengagihan keuntungan kepada pendeposit; dan
(iii) Penilaian kos pendanaan oleh IPI yang menyebabkan herotan pada kadar pulangan dalam pasaran runcit dan pasaran antara bank.

Penyeragaman pengiraan kadar pulangan akan menangani ketidakseimbangan maklumat antara IPI dan pendeposit melalui peningkatan tahap ketelusan dan memastikan pendeposit menerima pulangan yang setimpal dengan pelaburan mereka. Bagi tujuan itu, rangka kerja ini menyenaraikan secara terperinci butiran pendapatan dan perbelanjaan yang perlu dilaporkan dan diambil kira bagi tujuan pengiraan kadar pulangan. Jadual pengiraan juga menggariskan butiran perbelanjaan yang perlu dikongsi bersama oleh pendeposit dan IPI dan butiran perbelanjaan yang hanya ditanggung oleh pihak bank.

Pengenalan rangka kerja ini juga bertujuan menyokong aplikasi kontrak *mudharabah* (perkongsian untung) dalam aktiviti pengambilan deposit perbankan Islam dengan berkesan. Berbeza daripada perbankan konvensional yang berasaskan hubungan pemiutang-penghutang, kontrak *mudharabah* berasaskan kepada hubungan pelabur-pengusaha. Dalam kontrak ini, pihak pendeposit berperanan sebagai penyumbang modal manakala pihak bank selaku pengusaha. Dana pendeposit digunakan bagi aktiviti pembiayaan dan pelaburan. Keuntungan yang dijana daripada aktiviti tersebut dikongsi bersama antara pendeposit dan bank berdasarkan nisbah perkongsian untung yang dipersetujui. Kerugian pula ditanggung oleh pendeposit. Memandangkan sebahagian besar deposit perbankan Islam adalah deposit *mudharabah*, pengurusan IPI terdedah kepada risiko fidusiari yang tinggi kerana IPI perlu memastikan dana tersebut digunakan secara berkesan, sementara keuntungan yang dijana daripada pembiayaan dan pelaburan perlu diagihkan kepada pendeposit secara saksama. Pada umumnya, pengenalan Rangka Kerja Kadar Pulangan bukan sahaja bertujuan menyeragamkan kaedah pengiraan tetapi juga bagi menentukan pengagihan pendapatan sebenar dan saksama kepada pendeposit.

Rangka Kerja

Rangka Kerja Kadar Pulangan terdiri daripada dua komponen utama, iaitu jadual pengiraan dan jadual pengagihan. **Jadual pengiraan** menetapkan butiran pendapatan dan butiran perbelanjaan yang perlu dilaporkan dan menggariskan piawaian bagi pengiraan pendapatan boleh agih bersih. Antara butiran penting dalam jadual tersebut ialah butiran peruntukan. Sebelum pengenalan rangka kerja ini,

Jadual 1
Jadual Pengiraan

	RM juta
Pendapatan yang dijana oleh aset	
(+) Pendapatan urus niaga bersih	
(+) Lain-lain pendapatan	
Jumlah pendapatan kasar	
(-) Peruntukan dan pendapatan tergantung	
(-) Rizab penyamaan keuntungan	
(-) Perbelanjaan langsung	
Pendapatan kasar bersih	
(-) Pendapatan kepada:	
Akaun pelaburan khas	
DMPI/DPS[1]	
Pendapatan bersih	
(-) Pendapatan kepada:	
Jumlah belum dibayar kepada institusi kewangan	
Instrumen boleh niaga secara Islam	
Pendapatan boleh agih bersih	

[1] Dana modal perbankan Islam/dana pemegang saham.

peruntukan institusi perbankan yang menyertai Skim Perbankan Islam (bank SPI) ditanggung oleh operasi perbankan konvensional. Di bawah rangka kerja ini, bank SPI dikehendaki mengasingkan peruntukan am dan peruntukan khas bagi operasi perbankan Islam selaras dengan kontrak *mudharabah* yang menghendaki peruntukan dalam operasi perbankan Islam dikongsi bersama antara pendeposit dan bank. Ini berbeza dengan operasi perbankan konvensional yang menghendaki pihak bank menanggung sepenuhnya peruntukan tersebut.

Jadual pengiraan turut memperkenalkan item baru yang dikenali sebagai **Rizab Penyamaan Keuntungan (RPK)**. RPK bertindak sebagai mekanisme bagi mengurangkan turun-naik kadar pulangan ekoran perubahan dalam jumlah pendapatan, peruntukan dan jumlah deposit; serta bagi memastikan kadar pulangan IPI kekal kompetitif dan stabil. Jumlah RPK diperuntukkan daripada jumlah pendapatan kasar dan dikongsi oleh pendeposit dan bank.

Komponen kedua rangka kerja ini ialah **jadual pengagihan**. Jadual ini menetapkan pengagihan pendapatan boleh agih bersih yang dipindahkan daripada jadual pengiraan kepada deposit

Jadual 2
Jadual Pengagihan

Jenis deposit	JPH[1]	Wajaran	JPHD[2]	Keuntungan boleh agih		Bahagian pendeposit		
				RM	%	NPU[3]	RM	%
Akaun permintaan								
Akaun simpanan								
APA[4]								
1 bulan								
3 bulan								
6 bulan								
9 bulan								
12 bulan								
12 bulan ke atas								
				PBAB[5]				

[1] Jumlah purata harian bagi setiap kategori deposit.

[2] Jumlah purata harian diwajarkan.

[3] Nisbah perkongsian untung dipersetujui antara bank dan pendeposit.

[4] Akaun pelaburan am.

[5] Jumlah pendapatan boleh agih bersih yang dipindahkan dari Jadual Pengiraan.

permintaan, deposit simpanan dan deposit pelaburan am berdasarkan struktur deposit (sama ada *mudharabah* atau bukan *mudharabah*), tempoh matang dan nisbah perkongsian untung yang dipersetujui antara pihak bank dan pendeposit. Bagi tujuan rangka kerja ini, Bank Negara Malaysia membenarkan IPI mengguna pakai kaedah wajaran atau tanpa wajaran bersesuaian dengan kapasiti sistem IPI.

IPI dikehendaki mengira kadar pulangan mereka pada setiap bulan dan mengumumkan kadar pulangan bulanan pada tarikh yang ditetapkan. Tempoh satu bulan berikutnya akan menjadi tempoh efektif kadar pulangan yang diumumkan.

Pengenalan rangka kerja ini membolehkan IPI melaksanakan pendekatan seragam dan meningkatkan tahap ketelusan dalam pengiraan kadar pulangan. Ia juga meningkatkan tahap kecekapan IPI kerana kadar pulangan semasa kini ditentukan oleh keupayaan perniagaan IPI berbanding metodologi pengiraan kadar pulangan. Pengenalan RPK juga telah mengurangkan turun-naik kadar pulangan industri perbankan Islam dan membantu IPI mengurus portfolio mereka dengan lebih cekap. Sejajar dengan pengenalan rangka kerja ini, skop pengemukaan statistik diperluaskan bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menilai kecekapan IPI dari segi keuntungan, pengurusan berhemat dan kesaksamaan dengan lebih berkesan.

Bank Negara Malaysia menjalankan kajian semula ke atas rangka kerja ini pada tahun 2003 bagi meningkatkan kapasiti dan kecekapan IPI dalam mengurus operasi perniagaan mereka. Walaupun rangka kerja yang dikaji semula ini masih mengekalkan asas-asas sedia ada, ia akan, antara lain memberi fleksibiliti dalam menentukan wajaran untuk setiap kumpulan deposit, nisbah perkongsian untung deposit pelaburan dan peruntukan RPK. Ia juga memberi fleksibiliti dari segi mengasingkan pendapatan daripada dana yang diurus di bawah dana yang disatukan atau diurus secara berasingan antara dana pemegang saham dan pendeposit. Kajian semula ini memberi fleksibiliti yang lebih meluas kepada IPI untuk menguruskan portfolio mereka demi memastikan kemapanan daya saing dalam pasaran.